

**SENARAI PENYERTAAN IDEA KREATIF VETERINAR 2014**

<b>TAHUN/ BULAN</b>	<b>TEMA</b>	<b>BIL</b>	<b>NAMA</b>	<b>RINGKASAN IDEA KREATIF</b>
<b>2014</b>				
Januari	Mentrasfor masi Perkhidmatan Veterinar	1/17	Mohd Helmy bin Mahroob	Mewujudkan sistem atas talian merangkumi semua aspek dalam perkhidmatan veterinar; menyampaikan maklumat Jabatan terdiri daripada mereka yang telah dilantik dalam menyebarkan informasi yang tepat; dan menganjurkan program berkaitan teras perkhidmatan veterinar kepada orang awam.
		2/17	Mohd Azruinizam bin Jaafar	Membina satu aplikasi DVS yang percuma dan mudah dilayari (platform Android) dengan mensasarkan kepada dua kumpulan iaitu khusus dan umum.
		3/17	Abd Halim bin Mohamed	Transformasi minda ke atas Pembantu Veterinar yang dinaiktaraf kepada Pen Peg Veterinar; merangka blueprint bagi mewujud budaya kerja berinovasi secara menyeluruh; penglibatan anggota Jabatan dalam KIK sebagai satu perkara wajib dengan memasukkannya sebagai salah satu KPI.
		4/17	Dr Norazura bt A. Hamid	Menempatkan Pegawai Penyelidik di semua Makmal Veterinar Kawasan seluruh Malaysia bagi menjalankan kajian yang berkaitan penyakit haiwan dan menganalisis data sebagai bahan rujukan Jabatan dan diterbitkan sebagai jurnal. Kajian epidemiologi penyakit juga dapat dijalankan bagi mengawal rebakan penyakit di lapangan.
		5/17	Dr Madzlan bin Mohd Salleh	Menggalakkan penglibatan swasta untuk menceburi bidangag pengeluaran dalam makanan; Transformasi ladang-TKPM perlu diperkemaskan semula termasuk Amalan Penteranagan Baik; Tranformasi Minda dan tenaga kerja kepada penggunaan mekanisasi, otomasi dan teknologi; pengurusan ladanga yang moden; dan saya saing lebih tinggi di kalangan pihak veterinar dan pelanggan.
		6/17	Aniran bin Kassim	Mengenalpasti masalah-masalah dalam perkhidmatan veterinar dan disalurkan kepada Pakar Rujuk Veterinar dan bertindak menyelesaikan dalam tempoh 24 jam; menyediakan SOP pada setiap organisasi di bawah Veterinar yang selaras dan sistematik; membudayakan kerja berilmu dan mencari idea-idea inovasi; dan kongsi kejayaan projek Veterinar kepada umum dan Luar Negara.
		7/17	Jamadi bin Badri	Menggunakan sumber kepakaran yang ada untuk membangunkan Ladang Jabatan yang sedia ada. Jadikan model dari aspek kawalan penyakit, pembiakan dan kebersihan ladang serta ternakan yang produktif. Pegawai teknikal wajar diberikan tanggungjawab untuk membangunkan ladang Jabatan.
		8/17	Noor Rahim bin Sharif	Mewujudkan incubator untuk ternakan terpilih bagi tempoh 4-5 tahun- boleh menjana pendapatan sekurang-kurangnya RM4,000 sebulan untuk kegunaan penternak bagi tempoh 3-4 tahun sebelum mereka memulakan projek sendiri.
		9/17	Noor Rahim bin Sharif	Mewujudkan indek harga input, hasil dan isu ladang ternakan dan disalurkan kepada Ibu Pejabat Negeri dan Persekutuan untuk membentuk satu indek yang sangat berguna.
		10/17	Noor Rahim bin Sharif	Mewujudkan jawatan kader Pegawai Ekonomi untuk ditempatkan di Negeri-Negeri selaras dengan halatuju strategik Dasar Agromakanan yang menggalakkan penglibatan sektor swasta.
		11/17	Salleh bin Sheikh Ibrahim	Penggunaan tele-conference/video-conference (contohnya Skype) dalam mesyuarat yang melibatkan ahli mesyuarat dari pelbagai tempat, terutama dari luar Ibu Pejabat.
		12/17	Salleh bin Sheikh Ibrahim	Kakitangan DVS yang menjalankan perkhidmatan di lapangan disediakan pakaian seragam yang sesuai dengan identiti DVS. Contoh seperti inspektor kesihatan.
		13/17	Zamari bin Mohd Amin	Transformasi minda terlebih dahulu sebagai tindakan positif memperkasakan DVS. Apabila transformasi minda telah berjaya diterapkan maka semangat 1 Veterinar akan menyusul; Sistem penyampaian maklumat perlu diperkemas secara berperingkat mengikut keperluan kumpulan sasaran; Bank data sistem penyampaian maklumat perlu diwujudkan; dan Sistem talian aduan berkesan perlu diwujudkan bagi menangani isu-isu yang sering ditimbulkan oleh masyarakat.
		14/17	Noor Rahim Sharif	DVS menjalin kerjasama strategik dengan Jabatan/Agenzi bagi pemasaran baja organik yang piawai untuk meningkatkan pendapatan sampingan penternak.
		15/17	Noor Rahim Sharif	DVS menjalin kerjasama yang erat dengan pihak swasta bagi menjalankan pembangunan modal insan kepada para penternak semasa DVS menjalankan program inkubator, program mentor-mentee dan penempatan industri.
		16/17	Noor Rahim Sharif	DVS menerajui jalinan kerjasama di antara penternak untuk meningkatkan ilmu, kemahiran dan pendapatan penternak dalam pelaksanaan program pengembangan.
		17/17	Noor Rahim Sharif	DVS perlu memberi galakan kepada kakitangan DVS menyertai koperasi berkaitan ternakan di kawasan masing-masing.

TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
Februari	Aktiviti/ Program bagi Mempromosi Perkhidmatan Veterinar	1/33	Dr Elizabeth Edward Juan	Turut menyambut World Veterinary Day atau Hari Veterinar Sedunia yang jatuh pada 26 April 2014 seperti yang ditetapkan oleh World Veterinary Association (WVA). Dicadangkan pihak jabatan mengadakan program pengembiran secara serentak di semua perkhidmatan veterinar negeri pada 26 April 2014 dan seterusnya mencatatkan rekod dalam Malaysia Book of Records sebagai Program Pengembiran yang Terbesar di Malaysia. Program ini juga boleh melibatkan NGO atau pihak swasta.
		2/33	Faridah binti Ismail	Karnival Pernernak (seperti karnival mahabbah IKIMfm) sebanyak 3 -4 kali setiap tahun (zon tengah, utara, selatan, pantai timur); booth untuk menjual produk hasilan veterinar; café jualan produk hasilan veterinar; information center ; forum- isu tertentu seperti industri walit/ lembu/ kambing; Soal jawab bersama pakar; Warwarkan/hebahan perihal karnival yang akan dijalankan ini di dalam radio yang didengari ramai seperti IKIMfm, ERA, Sinar, HOTfm dan lain-lain.
		3/33	Faridah binti Ismail	Program Soaljawab Interaktif Isu Pernernakan di TV/Radio selama 30-45 minit setiap minggu / 2 minggu di stesen radio / tv popular; setiap minggu atau setiap dua minggu, seorang pakar runding (cth: walit/lembu/kambing) akan bersedia mendengar dan menjawab masalah perternak secara live.
		4/33	Mohd Azruhnizam bin Jaafar	Program "Dekati Rakyat, Pencapaian Terbilang" - Peringkat Daerah dan Negeri; dan Peringkat Kebangsaan.
		5/33	Mohd Azruhnizam bin Jaafar	Pendekatan "1 poster, 1 isu, 1 penyelesaian, 1 nombor untuk dihubungi" -Program promosi melalui media elektronik dan cetak, iklan, papan billboard serta papan kenyataan.
		6/33	Mohd Azruhnizam bin Jaafar	Tindakan proaktif di peringkat daerah dengan memasuki kesemua premis (ladang,pusat ternakan,klinik,kedai haiwan peliharaan,rumah sembelih) dan membuat perbincangan dan promosi bagi sebarang perkhidmatan maupun produk yang berkaitan DVS untuk dimanfaatkan oleh industri secara menyeluruh.
		7/33	Mohammad Masrin bin Azami	Mewujudkan satu slot rancangan TV berkenaan veterinar yang menerangkan fungsi dan peranan DVS kepada industri dan rakyat, mempromosikan servis-servis yang boleh disediakan oleh jabatan termasuk program latihan dan sebagainya.
		8/33	Mohammad Masrin bin Azami	Menjalankan roadshow dan promosi ke kawasan-kawasan tumpuan awam secara berkala. Contoh aktiviti roadshow adalah pameran berkenaan haiwan, latihan-latihan yang dianjurkan oleh jabatan dan juga penyakit-penyakit haiwan yang sedang menular di Malaysia.
		9/33	Mohammad Masrin bin Azami	Menerbitkan artikel-artikel mengenai haiwan/penyakit/ubat-ubatan kepada suratkhabar / majalah.
		10/33	Mohd Helmy bin Mahroob	Mengadakan Kempen Satu Veterinar ; menghebahkan kepada media massa dalam slot-slot berkaitan perkhidmatan veterinar; menerbitkan iklan di stesen televisyen mengenai perkhidmatan veterinar yang ada di setiap Jabatan Perkhidmatan Veterinar seperti kempen bebas ND, Pet Passport dan sebagainya; menerbitkan bahan bacaan seperti majalah, buletin dan sebagainya kepada warga kerja jabatan dan juga orang awam; menaiktaraf laman sesawang jabatan supaya lebih mesra pengguna.
		11/33	Dr Madzlan bin Mohd Salleh	Jabatan memasang papan iklan atau billboards di kawasan tanah Jabatan sendiri. Papan iklan ini boleh digunakan untuk mempromosikan apa-apa program atau aktiviti jabatan kepada orang ramai. Jabatan (atau Kelab Sukan) boleh menjemput pihak swasta untuk memasang iklan tetapi salah satu syarat ialah menunjukkan kerjasama dengan DVS. Sewaan billboard tersebut boleh dimasukkan sebagai hasil Jabatan.
		12/33	Dr Madzlan bin Mohd Salleh	Fokus utama Jabatan adalah kawalan penyakit terutama penyakit FMD menjelang tahun 2016 bagi negeri-negri di sempadan dengan Thailand. Tindakan proaktif adalah membuat hebahan awal kepada perternak tentang kawalan penyakit ternakan melalui media-massa, Kuliah kefahaman melalui pihak masjid, masa dan program pemvaksinan diselaraskan mengikut kelaziman dan perlu dibuat secara terancang, menaikkan papan tanda di kawasan/zon berisiko penyakit tentang pentingnya kawalan, pencegahan dan pembasmian penyakit, memberi hadiah kepada pelapor dan sijil penghargaan kepada mereka yang melapor wabak penyakit ternakan.
		13/33	Abd Halim bin Mohamed	Ketengahkan produk "V" di daerah, menggunakan rangkaian yang sedia ada dalam sistem masyarakat (Institusi masjid, Penghulu, Ketua Kampung), dan melibatkan petani dan perternak.
		14/33	Abd Halim bin Mohamed	Sebarkan maklumat "V" melalui kaedah yang murah dan mudah-kumpul sebanyak mungkin maklumat berkaitan, aktiviti/program Jabatan dalam bentuk gambar/video, sediakan bahan dalam bentuk cakera padat, muatnaik ke laman web Jabatan.
		15/33	Abd Halim bin Mohamed	Klinik Rundingcara "V" bergerak-tubuh Rundingcara "V" bergerak di setiap daerah, latih pegawai yang akan terlibat, sediakan kemudahan kenderaan, peralatan pandang dengar dan lain-lain, atur jadual aktiviti, maklumkan perkhidmatan yang disediakan Jabatan, dapatkan maklumbalas pelanggan.

TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
		16/33	Abd Halim bin Mohamed	Program Realiti "V"-pilih beberapa bidang usaha ternakan/asas ternakan untuk dilibatkan, usahawan ternakan/asas ternakan menjadi peserta program, adakan satu bentuk pertandingan program realiti, wujudkan kerjasama dengan stesen TV, penonton di rumah jadi juru 30%, juru profesional 70%.
		17/33	Abd Halim bin Mohamed	Jelajah "V"-setiap negeri kemukakan 10 "Top-Ten Projects," kerjasama dengan stesen TV atau radio untuk adakan program mesra media di lokasi projek yang terpilih, aturkan program menarik melibatkan penternak dan penduduk setempat.
		18/33	Mohd Faiz bin Ajis	Hari Veterinar Dihatiku-satu hari dipilih sebagai "Hari Veterinar Dihatiku" serta mengadakan pelbagai aktiviti di tempat awam terpilih pada hari tersebut.
		19/33	Dr Norazura bt A. Hamid	Iklan di stesen televisyen tempatan dan negara jiran bagi menerangkan perkhidmatan yang ditawarkan; iklan yang sama dimuatkan ke dalam blogspot/wordpress; iklan di laman sesawang DVS/Facebook; DVS menganjurkan Hari Terbuka/Hari Bersama Pelanggan, iklan di kenderaan DVS; pasukan promosi di pusat membeli bela dan karnaval; iklan di pintu masuk Negara; kakitangan berkursus di luar Negara membawa pamphlet DVS untuk diperkenalkan kepada luar Negara; iklan di komuter/LRT/ERL/keretapi dan stesen; aktiviti jelajah kampung.
		20/33	Jamadi bin Badri	Bekerjasama dengan pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia dengan mengadakan aktiviti pameran dan kempen penerangan mengenai program perkhidmatan veterinar termasuk program rawatan haiwan, kerjaya berkaitan perkhidmatan veterinar. Para pelajar juga boleh dibawa melawat ke Rumah Sembelih, ladang-ladang atau klinik DVS yang berhampiran.
		21/33	Kalaivani a/p Batumalai	Perkhidmatan Veterinar Bergerak-Jabatan Veterinar Negeri dan daerah menyediakan perkhidmatan veterinar bergerak di kawasan perumahan.
		22/33	Kalaivani a/p Batumalai	Jalinan Kerjasama dengan NGO-Jabatan Veterinar bekerjasama dengan NGO tempatan seperti KRT dan Persatuan Penduduk mempromosi aktiviti dan perkhidmatan veterinar kepada masyarakat tempatan.
		23/33	Kalaivani a/p Batumalai	Promosi di Papan Buletin Sekolah/Institut Pengajian-Jabatan Veterinar menyediakan iklan yang menarik dan menampal notis perkhidmatan veterinar kepada umum.
		24/33	Kalaivani a/p Batumalai	Menjadikan Sebagai Salah Satu KPI Pegawai Veterinar Negeri-Jabatan Veterinar menjadikan kekerapan aktiviti bulanan dan tahunan sebagai salah satu KPI pegawai veterinar negeri dan dinilai secara berkala oleh pegawai atasan.
		25/33	Kalaivani a/p Batumalai	Memberikan Pengiktirafan Khas-Jabatan Veterinar mengiktiraf dan memberi penghargaan kepada pegawai veterinar negeri yang telah menunjukkan kecemerlangan dalam menganjurkan program / aktiviti terbanyak setiap tahun.
		26/33	Kalaivani a/p Batumalai	Menyediakan T-Shirt Edaran sebagai Door Gift/Pertandingan-Jabatan Veterinar menyediakan T-Shirt yang dicetak senarai perkhidmatan veterinar dalam semua program / aktiviti yang dianjurkan. Contohnya Program Mantai Perdana, HPPNK etc untuk edaran kepada para peserta program atau pemenang pertandingan.
		27/33	Zamari bin Mohd Amin	Mengaktifkan "Sambutan Hari Veterinar" secara tahunan; mengadakan pertandingan penulisan dan melukis peringkat sekolah serta Pidato Perdana peringkat pengajian tinggi; penglibatan pegawai dalam menghasilkan sisisian berkaitan DVS secara meluas dan berterusan; menggunakan media elektronik untuk memaparkan berita berfaedah; menonjolkan pakar-pakar veterinar kepada masyarakat umum; melantik "Tokoh Berpengaruh" sebagai "Duta Jabatan."
		28/33	Dr Mohd Shafarin bin Shamsuddin	Talk Show-secara rakaman dan secara live. Untuk talk show rakaman, DVS menggunakan sumber yang ada iaitu dewan/auditorium IPV/IVM/IPPV, sebulan sekali, 2-3 individu dari seksyen/bahagian berlainan dijemput untuk ditemuramah, boleh dikeluarkan melalui YouTube.Untuk talk show live, ia boleh dijadikan acara kemuncak dalam program tahunan seperti MAHA, Minggu Inovasi, Hari Penternak dan Peladang, dan lain-lain.
		29/33	Dr Mohd Shafarin bin Shamsuddin	Mobile SMS Advertising-menjalankan kerjasama komunikasi & korporat bersama syarikat telekomunikasi dalam menyampaikan promosi perkhidmatan veterinar secara SMS.
		30/33	Dr Mohd Shafarin bin Shamsuddin	International Young Research Veterinary Conference-Mengendalikan aktiviti seminar di peringkat antarabangsa untuk mempromosi perkhidmatan veterinar selain menjalin hubungan diplomasi dan perkongsian maklumat melalui penyelidikan.
		31/33	Dr Mohd Shafarin bin Shamsuddin	Vet Fair-DVS menampilkan kelainan dalam promosi perkhidmatan veterinar melalui VET FAIR yang dilaksanakan secara indoor seperti d PWTC, KL Convention Centre dan lain-lain.
		32/33	Dr Mohd Shafarin bin	Vet Service Delivery- Perkhidmatan menghantar produk seperti vaksin dan produk-produk ubatan dan industri hiliran ke pintu rumah pelanggan. Setiap penghantaran boleh disertakan risalah maklumat/panduan terkini daripada Jabatan untuk pelanggan.
		33/33	Dr Rozita binti Abdul Rahman	Mengadakan program bulanan bersama siaran radio tempatan bagi mempromosikan aktiviti sedia ada dan terkini dari jabatan.

TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
Mac	Pengisian Aktiviti/Program bagi Menjadikan Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Lebih Inovatif dan Interaktif	1/31	Fatmawati Muhamad Puzi	Mengadakan Pertandingan 'Word Search' yang berunsurkan terma-terma/terminologi Veterinar dalam masa yang sama dapat mengukuhkan pengetahuan dalam bidang veterinary dalam masa yang singkat.
		2/31	Fatmawati Muhamad Puzi	Membuat program 'Treasure Hunt' secara individu atau berkumpulan.
		3/31	Mohd Helmy bin Mahroob	Mewujudkan sistem aplikasi melalui penyampaian maklumat; memberi galakan dan peluang kepada kakitangan untuk menyertai Hari Inovasi; seminar atau kursus berkaitan Inovasi; mewujudkan Kumpulan KIK yang aktif di setiap Jabatan.
		4/31	Faridah binti Ismail	Pembentangan dalam bentuk kajian kes bagi sesuatu tajuk/isu dipersembahkan dalam sesi seminar di samping pembentangan kertas saintifik.
		5/31	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Segmen Usahawan Berjaya-elemen inovasi dan keberanian mencuba sesuatu yang baru dijadikan keutamaan pemilihan calon usahawan (penternakan) jemputan, demonstrasi (sekiranya mempunyai suatu inovasi secara fizikal yang boleh dikongsikan bersama penternak lain mahupun DVS).
		6/31	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Demo Inovasi-Persembahan sebarang inovasi dari pihak DVS yang boleh diberi manfaat kepada penternak mahupun bakal-bakal usahawan yang mempunyai infrastruktur/dana dalam pengeluaran produk inovasi yang dipersembahkan.
		7/31	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Kaunter Pelanggan- jemputan para penternak dan industri ternakan, diberi oleh pegawai yang pakar dalam bidang tersendiri, memberi khidmat nasihat terhadap permasalahan yang dialami pelanggan.
		8/31	Mohd Azrulnizam bin	Peluang Kerjaya di DVS- Pengisian slot khusus untuk para pelajar university mahupun kolej yang berkaitan dalam pendedahan prospek kerjaya di dalam DVS dengan penekanan kepada aspek inovasi (penyelidikan).
		9/31	Jamadi bin Badri	Semua hasil inovasi DVS yang sedang/masih dimanfaatkan/digunakan wajar dipamerkan dan individu yang terlibat menghasilkan inovasi tersebut diberikan penghormatan tertinggi jabatan semasa hari inovasi.
		10/31	Noor Rahim bin Sharif	Mewujudkan Pertandingan Inovasi Terbanyak Negeri-Negeri yang dapat menyenaraikan inovasi terbanyak yang digunakan oleh sekurang-kurangnya 3 ladang akan menjadi pemenang. Ini akan menggalakkan semua lapisan pegawai dan penternak menjadi peka kepada inovasi dan implikasinya.
		11/31	Noor Rahim bin Sharif	Mewujudkan Pertandingan Inovasi Terbanyak Mengikut Komoditi-Semua Negeri diminta menyenaraikan inovasi yang ada mengikut 6 komoditi utama dan menyatakan senarai ladang yang menggunakan inovasi tersebut.Negeri yang dapat menyenaraikan inovasi terbanyak mengikut komoditi yang digunakan oleh sekurang-kurangnya 5 ladang akan menjadi pemenang.
		12/31	Noor Rahim bin Sharif	Penjualan CD kompilasi mengikut komoditi-Semasa hari Inovasi diadakan penjualan CD kompilasi inovasi mengikut komoditi. Setiap inovasi yang ditunjukan akan ada nama , no telefon, email dan alamat lengkap ladang yang menggunakan inovasi tersebut untuk penternak boleh melihat sendiri bagaimana inovasi tersebut diaplikasikan dan kebaikan kepada ladang yang menggunakan.
		13/31	Noor Rahim bin Sharif	Gera Inovasi mengikut Negeri-Semasa hari inovasi diadakan gera dari setiap negeri yang menunjukan sekurang-kurangnya 5 inovasi terkini yang terbaik yang dikumpul dari ladang-ladang ternakan yang berjaya dan ladang yang mempunyai inovasi terbanyak.
		14/31	Noor Rahim bin Sharif	Hari Inovasi diadakan di Negeri yang memenangi pertandingan peringkat Negeri-Negeri yang berjaya menjadi Juara diberi penghargaan untuk menjadi Tuan Rumah Hari Inovasi dengan budget yang disediakan oleh Bahagian Inovasi.
		15/31	Noor Rahim bin Sharif	Hari Inovasi dibuka kepada umum- Hari Inovasi peringkat Jabatan dibuka kepada umum supaya inovasi yang dihasilkan dapat di ketahui umum
		16/31	Noor Rahim bin Sharif	Lawatan ke ladang yang mempunyai inovasi (mengikut komoditi)-Penyertaan untuk lawatan perlu dihadkan kepada 10 orang sahaja untuk memberi kesan yang lebih.
		17/31	Noor Rahim bin Sharif	Ceramah bijak berinovasi- memberi pendedahan bagaimana mewujudkan atau mereka inovasi. oleh penceramah-penceramah dan setiap peserta akan diberi nota ceramah tersebut dan mengandungi contoh penghasilan inovasi dalam bentuk buku kecil yang mudah dibawa.
		18/31	Noor Rahim bin Sharif	Pertandingan Inovasi berasaskan Tadbir Urus Jabatan-Untuk menggalakkan inovasi dalam 7 elemen dalam Tadbir Urus Jabatan perlu diwujudkan pertandingan dengan memberi penarapan kepada setiap bahagian dalam Ibu pejabat yang mendapat Emas, perak atau gangsa. Penarapan adalah berdasarkan kepada bilangan inovasi baru yang diketengahkan dan pemantauan yang dijalankan berdasarkan laporan yang dihantar kepada urusetia J/K Tadbir Urus.
		19/31	Dr Fadzilah Aini Abd Kadir	Dipamerkan serta di adakan secara in situ bahan yang di inovasikan;ceramah inovasi minda oleh pakar; sesi ceramah oleh MOSTI berkenaan "patent rights", pertandingan poster berkenaan inovasi;pertandingan merancakkan minda seperti "scrabble," "chess," "soduku."
		20/31	Kalaivani a/p Batumalai	Penerbitan Kompilasi Buku Inovasi-hasil inovasi terbaik diterbitkan sebagai suatu kaedah perkongsian ilmu dan mengalakkan budaya penulisan secara holistik dalam kalangan warga kerja Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.

TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
		21/31	Kalaivani a/p Batumalai	Persembahan Sketsa Interaktif-Penganjur Hari Inovasi Jabatan Perkhidmatan Veterinar boleh menyediakan sketsa interaktif pada hari Inovasi berkisarkan persepsi awal kaitangan apabila diarahkan melaksanakan Projek Inovasi dari awal sehingga menjadi johan dalam pertandingan tersebut.
		22/31	Kalaivani a/p Batumalai	Penjualan buku/bahan berkaitan inovasi-buku-buku, cakera padat dan majalah berkisarkan Inovasi dijual pada Hari Inovasi sebagai suatu langkah menarik perhatian dalam kalangan warga kerja Jabatan Perkhidmatan Veterinar Malaysia.
		23/31	Kalaivani a/p Batumalai	Pertandingan Membalas Pantun-Menganjurkan Pertandingan Mambalas Pantun mengenai Inovasi diadakan secara interaktif semasa berlangsungnya Hari Inovasi.
		24/31	Kalaivani a/p Batumalai	Persembahan Kebudayaan-suatu persembahan kebudayaan oleh Pemenang Persembahan Kebudayaan bersempena Hari Kecergasan Dan Kecemerlangan Veterinar diadakan pada Hari Inovasi untuk menjadikan pengisian pada Hari Inovasi lebih menarik.
		25/31	Kalaivani a/p Batumalai	Mengadakan Pertandingan Kuiz-Pertandingan Kuiz secara interaktif dan spontan diadakan selang sela semasa berlangsungnya pertandingan Hari Inovasi bagi menarik perhatian dan tumpuan sepenuhnya dalam kalangan warga kerja jabatan.
		26/31	Kalaivani a/p Batumalai	Meningkatkan jumlah hadiah untuk pemenang-Jumlah hadiah bagi Pertandingan Inovasi dipertingkatkan bagi menarik lebih banyak penyertaan dari warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar yang mampu melahirkan pelbagai Inovasi baru yang masih belum dibangunkan.
		27/31	Dr Mohd Shafarin bin Shamsuddin	Mengadakan program "Show Your Talent.. Pet! Pet!"- Dengan mengaplikasikan teknologi maklumat menerusi smart phone atau tablet (seperti Samsung), peserta boleh merakam video amatir berkenaan dengan apa jua bakat yang ada/ditunjukkan oleh haiwan kesayangan mereka. Video amatir tersebut boleh dirakam semaksima selama 2 minit.
		28/31	Dr Mohd Shafarin bin Shamsuddin	Mengadakan Pertandingan Menanam Rumput untuk Ternakan-Pertandingan ini dibuka kepada semua penternak/individu yang boleh menanam rumput dan memberikan hasil kandungan Crude Protein yang tinggi. Setiap penyertaan akan diberi jangkamasa tertentu untuk rumput berkenaan dinilai (sebagai contoh 2 minggu sebelum hari Inovasi diadakan). Dicadangkan agar pemenang pertandingan diberikan platform untuk menerbitkan satu buku berkaitan penanaman rumput untuk ternakan dengan kerjasama Jabatan Perkhidmatan Veterinar.
		29/31	Dr Mohd Shafarin bin Shamsuddin	Mengadakan Pertandingan Merekacipta Masakan "InoVet Chef"-Bersandarkan makanan berdasarkan ternakan (cadangan: puyuh/merpati/itik/angsa), peserta dikehendaki merekacipta satu hidangan yang luarbiasa. Ini dapat memberi cetusan idea untuk menyediakan masakan dengan menggunakan daging ternakan yang jarang dimakan oleh rakyat Malaysia.
		30/31	Dr Mohd Shafarin bin Shamsuddin	Mengadakan Talk Show "Jiwa Pencinta"- Talk Show ini dijalankan secara santai. 3 orang panel dijemput. Mereka perlu terdiri daripada mana-mana individu yang berkecimpung secara aktif dan proaktif dalam dunia penyelidikan veterinar. Mereka juga perlulah terdiri daripada generasi yang berbeza (senior dan junior). Temubual talk show ini adalah lebih kepada perkongsian setiap panel mengenai kisah hidup mereka dalam pelbagai dimensi yang membawa kepada kejayaan mereka dalam bidang penyelidikan.
		31/31	Dr Mohd Shafarin bin Shamsuddin	Mengadakan Pertandingan Merekacipta Persembahan Multimedia Pendidikan-setiap sekolah menghantar seberapa banyak penyertaan persembahan multimedia dengan menggunakan format mudah 'flash' atau 'swift'. Kandungan tersebut adalah bebas tetapi perlulah bertemakan veterinar. Persembahan multimedia pendidikan yang dihasilkan akan menjadi produk JPV dalam usaha mengembangkan latihan melalui persembahan multimedia pendidikan.

TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
April  Konsep dan Pengisian Program bagi Menjadikan Pameran MAHA 2014 bagi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Menarik dan Berinovatif	Konsep dan Pengisian Program bagi Menjadikan Pameran MAHA 2014 bagi Jabatan Perkhidmatan Veterinar Menarik dan Berinovatif	1/29	Dr Rozita binti Abdul Rahman	Konsep Haiwan Peliharaan-Mengadakan Pertandingan Haiwan Peliharaan yang unik seperti ayam atau burung belaan serta sugar glider tercantik terbuka kepada orang awam.
		2/29	Dr Rozita binti Abdul Rahman	Konsep Sumber Makanan Yang Sihat-mengadakan pertandingan memasak produk makanan dari sumber veterinar tempatan terbuka kepada orang awam; mengadakan pameran serta ceramah ringkas berserta aktiviti permainan menarik bagi memberi pengenalan kepada penyakit-penyakit yang boleh berpunca dari ternakan yang akan mencemarkan makanan.
		3/29	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Program pendedahan teknologi tempatan dan antarabangsa (skala kecil dan besar) mengikut jenis ternakan secara khusus dengan penekanan kepada rasionalisasi di peringkat industri ternakan tempatan.
		4/29	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Program "Pertanian dan Pernakan Prospek Lumayan" dengan perkenalan model yang terbukti diperlakukan kebangsaan mahupun antarabangsa melalui kerjasama bersama agensi lain seperti DOA,FAMA,LKIM dan sebagainya.
		5/29	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Pengenalan kepada kaunter "e-DVS" dalam penekanan kepada sumber penyelesaian kepada permasalah yang biasa dialami penternak . Kaunter "e-DVS" lebih kepada panel interaktif dengan fungsi dipecahkan mengikut jenis ternakan secara khusus.
		6/29	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Pertandingan Inovasi dengan dikategorikan kepada kumpulan tertentu (jenis ternakan dsb) dengan ditawarkan hadiah yang menarik sebagai galakan kepada para peserta.Inovasi samada masih diperlakukan idea (boleh dibuat eksperimen oleh DVS Negeri mahupun makmal mahupun institut) mahupun peringkat skala kecil (penglibatan dengan penternak berskala besar untuk diperlakukan)
		7/29	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Forum Dialog Menteri MOA atau Timb. Menteri dengan Ketua Pengarah DVS atau Timb. Ketua Pengarah DVS bersama pakar-pakar yang berkaitan (sektor kerajaan mahupun swasta) dihadiri penternak mengikut kategori mahupun secara umum dalam membincangkan atau mendengar luahan atau cadangan "from bottom to top" atau "top to bottom" berdasarkan konsep tersendiri.
		8/29	Dr Zurin Azlin binti Md Jinin	Konsep Education and Extension- Vet Mini Museum-Menyediakan ruang pameran yang mempamerkan bahan-bahan yang interaktif seperti specimen lesi penyakit di dalam balang kaca atau acrylic, replika haiwan dan ternakan, parasit di bawah mikroskop stereo, perbezaan jenis telur mengikut spesies burung atau unggas dan poster-poster berkaitan fungsi Jabatan. Urusetia mini museum bolehlah menyediakan beberapa soalan mudah berkaitan dengan pameran ini dan saguhati diberikan kepada pelawat yang berjaya menjawab dengan betul.
		9/29	Dr Zurin Azlin binti Md Jinin	Konsep Education and Extension-Mengadakan tayangan mini berbentuk video pendek atau flash show daripada gambar-gambar beserta caption dan narration.Di antara topik adalah seperti Pemprosesan sarang burung walit daripada collection sehingga menjadi raw cleaned atau products, Management of outbreak seperti Nipah, HPAI dan FMD, dan lain-lain.
		10/29	Dr Zurin Azlin binti Md Jinin	Konsep Education and Extension- Mengadakan promosi termasuk tester produk berasaskan IATn secara berjadual sepanjang MAHA-contoh sate itik, rendang daging landak, puyuh berempah, keropok kulit lebu dan kerbau suop ayam selasih, kambing panggang, aiskrim susu kambing dan air minuman sarang burung walit.
		11/29	Mohd Helmy bin Mahroob	Mewujudkan satu sistem interaktif di setiap bahagian pameran di mana pengunjung boleh mendapatkan info berkaitan pameran tersebut;Mengaplikasikan konsep di lapangan di mana pengunjung boleh merasai pengalaman sebenar di lapangan.
		12/29	Jamadi bin Badri	Penternak diberi peluang untuk menguruskan sendiri ruang pameran masing-masing bagi mempamerkan ternakan/produk mereka. Pegawai DVS hanya sebagai pemudahcara dan membantu dari aspek penyediaan infra pameran sahaja.
		13/29	Syed Naufal Putra bin Syed Jaafar	Konsep Belia Moden-Maskot Jabatan, Pertandingan Kira Anak Ayam, Pertandingan Tiru Suara Haiwan, Pertandingan Cabutan Bertuah, Pertandingan Tiru Gaya Doktor Veterinar, Cipta Slogan.
		14/29	Norfuziana 'Ashikin binti Mohd Puzi	Petting Zoo (PZ) diubah konsep supaya lebih menarik, berinformatif dan inovatif. Selain riadah, PZ digunakan untuk mendidik pengunjung mengenali haiwan yang mengeluarkan makanan, menjaga kebajikan haiwan dan menjadi tuan punya yang bertanggungjawab.Kandungan pameran seperti pelbagai unggang lepas bebas, anak unggas di dalam kotak, telur unggas, haiwan kesayangan, anak ternakan untuk bermain dan pelbagai burung dan mamalia lepas bebas dalam walk-in aviary.
		15/29	Salleh bin Sheikh Ibrahim	MAHA2U- Siaran secara 'Live streaming' untuk aturcara 'highlights' MAHA sama ada menggunakan video kamera pandangan biasa atau tinjauan secara 'Eagle cam' dengan menggunakan Quadcopter pada tapak pameran. Boleh ditonton dengan menggunakan computer atau gajet mudahalih; Twitter Trending- Wujudkan Akaun twitter MAHA dan Hashtag khususnya untuk Pameran Haiwan untuk memudahkan pengunjung dan petugas; Penggunaan Basikal semasa di Tapak Pameran; Tour Guide – membawa kumpulan kecil pengunjung ke sekitar tapak ; Aplikasi iphone/Android - yang memuatkan peta arah pameran dan info berkaitan dengan MAHA.

TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
		16/29	Noor Rahim bin Sharif	Pameran Menarik Minat Golongan Pra Sekolah-Pameran anak ayam, anak kambing arnab dan lain-lain yang boleh memberi pendedahan awal alam haiwan; Kertas lukisan pelbagai jenis ternakan beserta nama untuk diwarnakan dan dibawa pulang; Bahan-bahan yang boleh dibentuk menjadi ternakan dan boleh dibawa balik apabila disiapkan.
		17/29	Noor Rahim bin Sharif	Pameran Menarik Minat Golongan Pelajar Sekolah Rendah-Pameran berkomputer untuk mengenal pelbagai jenis haiwan; Bunyi pelbagai jenis ternakan untuk ditiru; Permainan komputer-menerangkan jenis daging dan rupa ternakan bagi daging tersebut semasa hidup.
		18/29	Noor Rahim bin Sharif	Pameran Menarik Minat Golongan Pelajar Sekolah Menengah-Bentuk pakej pemeliharaan ternakan yang sesuai dilaksanakan sebagai projek di sekolah. Penerapan penternakan adalah perniagaan; Pakej untuk perniagaan industri asas tanu seperti cara menyediakan puyuh goreng; Kios yang boleh diguna untuk bermiaga untuk sekolah yang berminat.
		19/29	Noor Rahim bin Sharif	Pameran Menarik Minat Golongan Pelajar Universiti-Bentuk pakej pemeliharaan ternakan/industri asas tanu yang sesuai dilaksanakan sebagai projek di universiti untuk penerapan adalah perniagaan; Sudut kerjaya yang boleh diceburi oleh pelajar universiti.
		20/29	Noor Rahim bin Sharif	Wujudkan pasar ternakan kurban di mana ternakan yang dijual dari harga yang murah hingga yang sangat mahal. Pelanggan yang mewah boleh memilih ternakan yang mahal dan yang kurang berkekampuan boleh membeli ternakan yang kurang berkualiti.
		21/29	Noor Rahim bin Sharif	Wujudkan satu model penyembelihan yang praktikal di tanah lapang atau dalam kawasan masjid dengan penggunaan bahan mudah alih dan mudah pemasangannya. Kaedah ini perlumengurangkan penggunaan tenaga manusia dan memberi persepsi orang ramai bahawa cara tersebut mementingkan kebajikan kepada haiwan yang hendak disembelih.
		22/29	Dr Muhammad Nazri bin Khairuddin	Forum Penternakan secara berterusan selama MAHA berlangsung. Konsep: bual bicara tentang penternakan secara ringkas dan ada ruang soalan daripada penonton. Ahli panel terdiri daripada Kalangan penternak / pengusaha yang berjaya atau yang gagal sebagai panduan kepada yang lain.
		23/29	Dr Muhammad Nazri bin Khairuddin	Pertandingan Debat/Pidato/Pantun berkonseptkan penternakan. Penyertaan boleh dibuka secara Walk-in atau dirancang melalui penyertaan sekolah-sekolah sekitar Lembah Klang dahulu untuk tahun ini. Jika sambutan menggalakkan, boleh dilanjutkan penyertaan ke semua negeri melalui JPN.
		24/29	Kalaivani a/p Batumalai	Program Tarian "FlashMob" untuk memberikan suatu kelainan pada penganjuran MAHA kali ini.
		25/29	Kalaivani a/p Batumalai	Door Gift kepada pengunjung bertuah berupa Baucer rawatan haiwan kesayangan di Klinik Haiwan Veterinar di seluruh Malaysia.
		26/29	Kalaivani a/p Batumalai	Pertandingan kuiz mengenali nama saintifik haiwan diadakan oleh penganjur Jabatan Perkhidmatan Veterinar kepada para pengunjung ke MAHA.
		27/29	Kalaivani a/p Batumalai	Program Pelancaran MyVBlood-Program Derma Darah dari kalangan warga Jabatan Perkhidmatan Veterinar dan orang ramai dijalankan semasa berlangsungnya MAHA setiap tahun.
		28/29	Kalaivani a/p Batumalai	Pertandingan Pet Grooming Pelbagai kategori – Dewasa dan Kanak-Kanak diadakan bagi mendidik dan memberi peluang kepada para pengunjung merasai sendiri pengalaman Grooming haiwan kesayangan contohnya seperti kucing.
		29/29	Kalaivani a/p Batumalai	Penganjur boleh mengadakan suatu slot khas Kuliah spontan yang dikendalikan oleh Pegawai Veterinar mengenai penjagaan dan pemeliharaan haiwan kesayangan dan juga ternakan. Tidak semua orang berpeluang mengunjungi klinik haiwan dan kesempatan ini memberikan persepsi positif mengenai kerjaya profesionalisme dalam bidang veterinar.

TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
Mei	Meningkatkan Kefahaman tentang Dasar dan Halatuju Jabatan di Kalangan Pegawai Jabatan Perkhidmatan Veterinar	1/16	Dr Wan Aini Wan Mahamood	Membuat peringatan berulang-Adakan senaman selama 10 minit, bacaan doa bersama-sama dan melaungkan kata-kata semangat tentang dasar dan halatuju Jabatan.
		2/16	Dr Ardhy bin Adnan	Pernyataan/warkah dasar Jabatan mestilah disebar/diedarkan kepada semua anggota Jabatan terutamanya anggota-anggota baru. Dokumen tersebut di atas perlu dijadikan pegangan dan panduan asas anggota Jabatan dalam membuat pertimbangan semasa menjalankan tugas harian.
		3/16	Mohd AzruLnizam bin Jaafar	Menganjurkan dialog dua hala antara bahagian-bahagian utama di DVS untuk sebarang penilaian dan menggubal dasar baru untuk perancangan akan datang. Dialog perlu terbuka atau khusus kepada gred tertentu dengan ditekankan kepada kakitangan paling bawah dan berterusan ke peringkat yang lebih tinggi.
		4/16	Mohd AzruLnizam bin Jaafar	Sesi penerangan bulanan di peringkat persekutuan dan negeri dengan penglibatan semua peringkat jawatan. Setiap sesi wajib dihadiri oleh sekurang-kurangnya TKP DVS atau Pengarah Bahagian berkaitan. Wajar dicadangkan supaya sesi ini di buat dalam bentuk silibus (berperingkat) dengan penekanan kepada dasar dan hulu tuju Jabatan terutama yang kritikal untuk diperbincangkan.
		5/16	Mohd AzruLnizam bin Jaafar	Membuat video interaktif bersiri untuk pengisian bagi dasar dan halatuju jabatan dan di edarkan kepada semua Pengarah (Bahagian/Negeri) untuk dikongsikan kepada kakitangan tanggungjawab masing-masing. Kini pendekatan secara visual berbanding membaca boleh dijadikan instrumen yang berkesan dalam memberi pemahaman yang mudah bagi kakitangan DVS.
		6/16	Mohd AzruLnizam bin Jaafar	Penggunaan aplikasi komunikasi yang popular seperti Instagram, telegram, whatsapp, weechat dan sebagainya sebagai satu platform bukan sahaja sebagai hiburan, malahan ianya boleh dimanipulasi oleh DVS untuk sebaran maklumat berkaitan. "Keep It Simple and Short" menjadi guideline kepada penghantaran maklumat berkaitan dasar dan halatuju jabatan dengan penekanan perkataan yang mudah difahami semua.
		7/16	Mohd AzruLnizam bin Jaafar	Membangunkan satu platform aplikasi (Android, sebagai contoh) di mana ianya boleh dijadikan sebagai e-reference kepada kakitangan jabatan. Aplikasi perlulah mempunyai maklumat lengkap termasuk dalam aspek Q&A supaya kakitangan mudah memahami segala maklumat yang ingin dikongsikan di dalam aplikasi berkenaan.
		8/16	Mohd Helmy bin Mahroob	Menggalakkan pegawai untuk berkursus dan menjalani latihan praktikal di lapangan; Mengadakan mesyuarat atau perhimpunan bulanan di setiap bahagian untuk memberitahu pegawai tentang dasar-dasar jabatan; Memastikan pegawai faham tentang tugas yang diamanahkan dan mampu menjawab semua soalan atau isu-isu berbangkit; Mengadakan 'brainstorming' , 'teambuilding', dan seminar/forum berkaitan hala tuju jabatan dan juga dasar-dasar yang perlu di kukuhkan; Melantik seorang pakar rujuk di setiap bahagian dan unit untuk memastikan dasar dan hala tuju jabatan dapat diteruskan.
		9/16	Mohamad Fadhil bin Kasmudi	Mewujudkan unit media dan komunikasi Jabatan bagi mengkaji khas hal ehwal semasa isu-isu yang diutarakan. Skop kerja yang lebih fokus menjawab isu-isu sahaja berdasarkan maklumat yang dikumpulkan oleh unit ini seperti mengkaji di setiap page facebook atau media sosial lain dari semasa ke semasa; merangka pelan/poster infografik tepat dan mudah.
		10/16	Noor Rahim bin Sharif	Penyampaian dasar dan halatuju secara berperingkat setiap minggu-Pada satu hari yang ditetapkan setiap minggu dimaklumkan kepada semua warga melalui Helpdesk maksimum 3 dasar atau halatuju untuk makluman semua warga Jabatan. Ia perlu disertakan dengan aktiviti yang dibuat dan status pencapaian yang diperolehi.
		11/16	Noor Rahim bin Sharif	Wujudkan bual bicara ulasan projek setiap minggu-Jabatan mempunyai projek-projek yang sedang dijalankan. Setiap ketua projek perlu menyatakan projek yang dijalankan tersebut menyokong kepada dasar dan halatuju mana dalam jabatan. Selain itu perlu dinyatakan sumbangan projek kepada dasar dan halatuju yang telah ditetapkan.
		12/16	Noor Rahim bin Sharif	Ulasan sumbangan setiap anggota kepada dasar dan halatuju-dimaklumkan kepada setiap anggota tersebut. Semua anggota jabatan setiap peringkat telah memberikan sumbangan yang bermakna kepada Jabatan. Oleh Itu perlu dinyatakan dengan jelas bahawa sumbangan yang diberikan itu telah menyokong dasar dan halatuju yang tertentu. Maklumat ini dimasukkan dalam fail meja secara khusus. Perlu di ulas juga kesan kepada dasar dan halatuju yang dibuat jika anggota kurang memberi sumbangan daripada apa yang diharapkan.
		13/16	Noor Rahim bin Sharif	Wujudkan panduan dasar dan halatuju dalam talian-Wujudkan ruangan/database semua dasar yang boleh dicapai secara mudah oleh semua anggota
		14/16	Noor Rahim bin Sharif	Wujudkan buku kecil dasar dan halatuju untuk anggota Jabatan-Sediakan buku kecil dasar dan halatuju Jabatan untuk dibawa setiap oleh setiap anggota Jabatan.
		15/16	Noor Rahim bin Sharif	Masukkan dasar dan halatuju Jabatan yang sesuai dalam setiap kursus Jabatan- Setiap kursus yang dijalankan oleh jabatan untuk kakitangan perlu ada subjek dasar dan halatuju yang berkaitan atau bertepatan dengan kursus yang dijalankan.
		16/16	Noor Rahim bin Sharif	Kuiz dasar dan halatuju-Adakan kuiz bulanan melalui talian/email yang boleh disertai oleh semua warga Jabatan. Hadiah diberikan kepada jawapan yang lengkap dan cepat. 1 atau 2 hadiah adalah memadai serta umumkan 10 penyertaan terbaik yang diterima.

TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
Jun	Strategi Lautan Biru dalam Perkhidmatan Veterinar	1/18	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Menambah baik struktur organisasi DVS di peringkat daerah dan negeri dalam memastikan perkhidmatan veterinar akan lebih berkesan dan lebih jelas kesannya kepada industri ternakan dan masyarakat umum sekitarnya.
		2/18	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Mewujudkan Pusat Perkhidmatan Pelanggan (Hotline) dengan terbahagi kepada tiga iaitu aduan ,cadangan dan pertanyaan secara khusus dan dijawab oleh kakitangan DVS yang terlatih untuk sebarang aspek di dalam bidang veterinary samada di dalam maupun di luar negara.
		3/18	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Mewujudkan Pusat Pengembangan Teknologi di peringkat negeri dan daerah dengan dijemput tenaga pengajar dari dikalangan kakitangan DVS samada peringkat pegawai maupun pegawai sokongan atas kemahiran masing-masing mengikut mata pelajaran yang ditetapkan. Insentif wajar diberikan kepada tenaga pengajar dan pelajar yang hadir sebagai bonus.
		4/18	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Mempromosikan NBOS spesifik kepada perkhidmatan veterinar. Saluran promosi samada di dalam media massa cetak maupun elektronik, majalah (bersesuaian), billboard, banner, dan sebagainya supaya apa yang DVS ingin perkenalkan sebarang usaha dapat di ketahui dan dinilai oleh rakyat secara langsung dan tidak langsung.
		5/18	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Memperkenalkan "One Stop Centre Veterinary Services."Membangunkan satu bangunan yang khusus kepada perkhidmatan veterinary dengan memberi perkhidmatan terus kepada rakyat tanpa sebarang kerentak birokrasi yang remeh.
		6/18	Dr Afrah Alhana binti Ahmad Kassim	Mewujudkan klinik teknikal sepanjang MAHA 2014 berlangsung yang dibuat oleh Pakar/Pegawai Veterinar. Contoh:Klinik Haiwan Kesayangam, Klinik Haiwan Eksotik, Klinik Penternak Ruminan, Klinik Pemakanan Ternakan, Klinik Pemasaran Produk dan Klinik Demonstrasi.
		7/18	Dr Afrah Alhana binti Ahmad Kassim	Penyediaan pamphlet tentang apa sahaja yang berkaitan dengan DVS Up-To-Date, banyakkan gambar dan caption penting sahaja, serta menarik sesiapa sahaja membacanya, menyimpannya dan mempunyai maklumat yang berharga bagi sesiapa sahaja membacanya.
		8/18	Mohd Helmy bin Mahroob	Mewujudkan satu sistem mesra pelanggan yang boleh memberikan kepuasan kepada pelanggan; Menggunakan maklum balas untuk membina strategi akan datang yang terbaik; Melakar strategi "akan datang" berdasarkan telahan maklumat yg diperolehi semasa kajian lapangan;Pemerhatian terhadap manfaat produk & khidmat alternatif yg ditawarkan.
		9/18	Kalaivani a/p Batumalai	Perkhidmatan Klinik Haiwan Kesayangan Veterinar di Pusat Tranformasi Bandar (UTC)-Mewujudkan perkhidmatan Klinik Haiwan Kesayangan Veterinar di Pusat Tranformasi Bandar (UTC) bagi keselesaan orang ramai khususnya untuk warga penyayang yang prihatin terhadap kebajikan haiwan. Buat masa ini UTC menyediakan pelbagai kemudahan kepada orang ramai dalam satu bumbung dan menjimatkan masa.
		10/18	Salleh bin Sheikh Ibrahim	Kenderaan dan Pemandu- kesemua kenderaan dan pemandu dari semua Jabatan di bawah Kementerian Pertanian diletakkan di bawah satu pengurusan dan dipusatkan-dapat menyelesaikan masalah kekurangan kenderaan untuk kegunaan rasmi;Pegawai dari Jabatan lain boleh menggunakan kenderaan dan pemandu dari jabatan lain-dapat menambahkan keefisienan pengurusan dan penggunaan sumber;Memastikan tugas-tugas luar daerah dapat dijalankan dengan lancar dan tidak tertangguh.
		11/18	Salleh bin Sheikh Ibrahim	Menggalakkan aktiviti 'car pooling' bagi kakitangan di kalangan Jabatan ataupun dari Jabatan-jabatan lain-Mewujudkan inventori dan mekanisma 'carpool' yang sesuai bagi kakitangan yang berminat. Dapat menjimatkan bahan api dan ruang letak kereta;Menggunakan media sosial bagi memudahkan peserta mendapatkan maklumat 'carpool' dan update perjalanan ke pejabat (WhatsApp, Facebook).
		12/18	Salleh bin Sheikh Ibrahim	Semua aset dan peralatan sukan dari setiap jabatan diuruskan secara berpusat dan diletakkan di satu kawasan riadah yang boleh digunakan oleh semua kakitangan; Perlawanan persahabatan antara bahagian dan jabatan dianjurkan dengan kerap;Kerjasama dengan KBS mewujudkan gim dan pusat riadah.
		13/18	Salleh bin Sheikh Ibrahim	Menyediakan pusat atau platform 'barang terpakai' (pre-loved) untuk kakitangan jabatan dan kementerian menderma barang terpakai yang masih boleh digunakan dengan menyediakan tempat untuk meletak barang atau menyediakan ruang iklan/email helpdesk/group Whatsapp atauFB)
		14/18	Noor Rahim bin Sharif	Wujudkan Pegawai Penyelaras Lautan Biru Jabatan Projek Jabatan-Seorang pegawai penyelaras Lautan Biru Jabatan perlu di wujudkan secara pentadbiran bagi meneliti projek-projek Jabatan bagi menggabungkan kepakaran Bahagian-bahagian dalam Jabatan.
		15/18	Noor Rahim bin Sharif	Lautan Biru Untuk Anak Angkat Jabatan-Jabatan memilih Pengusaha / Usahawan untuk menjadi Anak Angkat Jabatan dan sumbangan dari JPV negeri dan Bahagian-Bahagian dari ibu Pejabat di gembeling bagi membolehkan Usahawan tersebut menjadi contoh dan tempat latihan kepada penternak lain.
		16/18	Noor Rahim bin Sharif	Pembangunan Padang ragut Haiwan bersama agensi lain-Menawarkan padang ragut Jabatan kepada Jabatan dan agensi dari lain-lain kementerian untuk program ternakan yang memberi manfaat bersama – contoh Ladang satelite untuk Ibu Tunggal – kerjasama dengan kementerian wanita
		17/18	Noor Rahim bin Sharif	Perkhidmatan veterinar untuk projek ternakan jabatan /agenzi lain-Jabatan Veterinar menawarkan Rancangan Perniagaan kepada Jabatan dan agensi untuk program ternakan yang memberi manfaat bersama; Jabatan bangunkan projek ternakan dengan khidmat perundingan sepenuhnya dari Jabatan.
		18/18	Dr Wan Aini binti Wan Mahamood	Jadikan sesuatu projek atau tugas sebagai platform iaitu ada penggiliran ketua projek dan ahli projek yang terdiri daripada semua jabatan di peringkat ibupejabat dan negeri. Sebagai contoh projek meningkatkan pengeluaran daging lembu-ketua projek boleh dilantik daripada Kumpulan sokongan dari DVS negeri. Ahli-ahlinya terdiri daripda Kumpulan P&P ibupejabat.

TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
Julai Strategi Ke Arah Mencapai Sasaran Tahap Sera Diri bagi Daging Lembu dan Kambing sebanyak 50% pada tahun 2030	Jamadi bin Badri Dr Muhammad Nazri bin Khairuddin Rozila bt Mohd Zin Dr Gunalan a/l Shanmugam Dr Gunalan a/l Shanmugam	1/18	Jamadi bin Badri	Penternak yang berjaya meningkatkan bilangan lembu pedaging yang diternak diberikan insentif galakan. Insentif ini di antaranya ialah pemberian rebat terhadap kos harga makanan atau perubatan.
		2/18	Jamadi bin Badri	Kerajaan menubuhkan satu agensi khas yang hanya berfungsi untuk menjalankan aktiviti penternakan lembu pedaging. Jika negara ini tidak sesuai untuk penternakan lembu maka agensi ini boleh menjalankannya di luar negara.
		3/18	Dr Muhammad Nazri bin Khairuddin	Bangunkan satu program pembiakbakaan ruminan yang komprehensif dan penekanan kepada art dengan mewajibkan pelaksanaan AI lembu dan kambing di semua negeri. Laporan kemajuan program dibentangkan setiap bulan dalam mesyuarat pengurusan tertinggi DVS.
		4/18	Dr Muhammad Nazri bin Khairuddin	Secara drastik, keluarkan kesemua ternakan pembiak dalam ladang-ladang jabatan ke seluruh pelusuk daerah di seluruh negeri dan terus laksana strategi Idea (3/18) tadi. Pada masa sama, DVS perlu mohon peruntukan besar-besaran dalam RMK12 untuk ganti balik semua ternakan yang telah 100% inbreeding.
		5/18	Dr Muhammad Nazri bin Khairuddin	Lantik RVO untuk buat program khusus pembiakan dan RVO perlu dilatih secara berterusan untuk buat program melibatkan ART.
		6/18	Dr Muhammad Nazri bin Khairuddin	Kempen besar-besaran tentang peluang pasaran produk ruminan di dalam dan luar negara supaya lebih ramai investor berminat untuk turut serta. DVS perlu akui keperluan peruntukan kewangan yang besar untuk buat kempen yang komprehensif baru ada impak.
		7/18	Dr Muhammad Nazri bin Khairuddin	Pengimportan lembu dan kambing secara besar-besaran dari negara-negara bebas penyakit ruminan (OIE) sahaja. Jangan ulangi tindakan dvs yang sangat tidak bijak sekitar 2007-2009 bila banyak import kambing dari indonesia yg dijangkiti penyakit, akhirnya bukan membantu tambah populasi, tapi mengurangkan populasi sbb semua terpaksa ditakai malahan menjangkiti ternakan tempatan. dasar pengimportan perlu pertimbang biosekurti & SPS.
		8/18	Rozila bt Mohd Zin	Baikpulih baka-baka tempatan dan import dan sediakan satu hab pengeluaran baka. Anak-anak lembu dijual dengan harga yang berpatutan dan mampu beli oleh penternak. Tubuhkan GLC yang boleh menghasilkan makanan ternakan dan supplement serta dijual pada harga yang mampu beli untuk mengurangkan kos.
		9/18	Dr Gunalan a/l Shanmugam	Mewujudkan polisi yang berkesan dan efektif-Pembangunan baka; Pembangunan ladang nukleus, multiplier/ HIP Projek / Contract farm;Pembangunan Modal Insan;Pembangunan Sistem Insentif Ternakan;Pembangunan Makanan Ternakan;Pembangunan Data Industri Ternakan; Pembangunan Pelaburan Entiti Luar / Syarikat GLC/ Projek Komersil Ternakan;Pembangunan Konsep Terbaru Sistem Penternakan / Organik Farming/ Model Farm;Pembangunan Bidang Penyelidikan & Kawalan Penyakit; Pembangunan Sistem Pemasaran Yang Efektif ; Pembangunan Fokus Point Dalam Industri Ternakan; Pembangunan Kerjasama Dua Hala Dalam Industri Ternakan.
		10/18	Dr Gunalan a/l Shanmugam	Meningkatkan usaha untuk memperluaskan ladang TKPM serta program "optimization" untuk pengeluaran yang tinggi berdasarkan keluasan tanah serta mekanisma ladang;Menggunakan konsep "precision farming" untuk ladang komersil ternakan ; Menambah daripada 61 buah ladang satelit sediaada kepada 180 buah dalam rancangan pembangunan industri ruminan;Daya pengeluaran ruminan kecil ditingkatkan melalui penggembelingan segala sumber asas sedia ada secara cekap serta perolehan sumber strategik berkualiti secara ekonomik ;Memperkasa serta mengukuhkan sistem penyampaian dan perkhidmatan sokongan.

TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
		11/18	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Memperhebatkan plan DLP "1 Daerah 1 Ladang 1 Pendapatan", di mana agensi di bawah Kementerian Industri dan Industri Asas Tani perlu melangkau tembok birokrasi antara agensi dengan pengukuhan 1Gov antara DVS, DOA, MARDI, FAMA dan agensi lain yang bersangkut paut di dalam skop PERTANIAN-PENTERNAKAN-1 ladang yang dibangunkan (dicadangkan supaya di buka ladang yang baru) dengan mengambil kira penempatan manusia, cuaca, jaringan pemasaran yang kukuh;1 ladang yang diintegrasikan dengan penuh efektif antara tanaman dan ternakan;1 ladang yang fokus kepada lembu daging dan kambing dengan bertulang belakangkan agensi MOA dan penternak-penternak.
		12/18	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Penerokaan baka baru bagi lembu dan kambing untuk kesesuaian di ternak di Malaysia-Penyelelakian perlu lebih agresif dalam baka sedia ada di Malaysia manakala baka luar perlu di pertimbangkan di negara terutama negara yang mempunyai iklim yang hampir sama dengan Malaysia; Kemungkinan adanya keperluan untuk monitor kalangan lembu atau kambing liar di luar Malaysia untuk mengenal pasti kelebihan kacukan dengan lembu atau kambing yang diternak.
		13/18	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Penetapan populasi minimum bagi sesuatu ladang lembu dan kambing dengan mengambil kira aspek keluasan ladang, bekalan makanan, pengurusan dan sebagainya.
		14/18	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	"Model plan untuk ladang cemerlang" KHUSUS untuk menternak lembu atau kambing perlu diperkenalkan oleh setiap DVS Negeri dan setiap ladang yang mengikut model perlu sentiasa di pantau oleh PVD manakala proses penilaian (auditing) wajib di laksanakan dan ladang paling cemerlang perlu di berikan imbuhan bersesuaian.
		15/18	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Perkenalkan strategi mentor mentee di mana setiap DVS Negeri wajib melantik samada seorang penternak bagi satu negeri atau beberapa zon berkelompok yang dikenalpasti sebagai usahawan paling berjaya bagi menternak lembu pedaging atau kambing atau kedua-duanya sekali dan menjadikan penternak itu sebagai penternak angkat (secara tetap atau mempunyai tempoh masa tertentu) bagi dijadikan mentor kepada penternak yang lain dengan semangat "saling berganding bahu dalam menaikkan taraf semua penternak yang terlibat tanpa ada sebarang kepentingan persendirian. Manakala DVS bertindak sebagai penyelia kepada kedua-dua belah pihak dalam memastikan tidak "gap" serta sebarang bantuan lain yang perlu.
		16/18	Juliaawatty binti Abu Anuar	Mengubah sistem penternakan samada dari segi keperluan kandang, kawasan, genetik, pemakanan dan yang paling penting motivasi kendiri dalam diri penternak itu sendiri; pihak JPV mengadakan pemeriksaan kepada program pengembangan daidaerah setiap 2 bulan bagi memastikan program ini benar-benar berjalan .
		17/18	Abd Halim bin Mohamed	Meningkatkan Pengeluaran Secara Kuantiti Dan Kualiti- Pertingkatkan tahap perkhidmatan dan perbaiki persekitaran penternakan a.Pegawai & kakitangan menjadi aset yang sangat penting untuk melaksanakan kerja pengembangan.Jangan abaikan golongan penternak kecil dan tradisional.Keutamaan diberikan kepada meningkatkan kualiti baka di kalangan usahawan kecil. Galakkan ke arah pengeluaran ternakan cantik sebagai hobi.Galakkan pertandingan di peringkat negeri dan daerah dengan meletakkan antara ciri-ciri ternakan cantik ialah yang mampu menghasilkan banyak daging.
		18/18	Mohd Helmy bin Mahroob	Mewujudkan satu perkampungan ataupun zon penternakan lembu dan kambing berpusat supaya keperluan daging mencukupi dan boleh dipantau sepanjang tahun; Mengimport baka yang berkualiti untuk diternak; Memberikan insentif kepada penternak yang berpotensi.
TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
Ogos Strategi Peningkata n Pengeluara n Susu Ternakan		1/18	Mohd Helmy Mahroob	Menggunakan sistem teknologi moden dalam pelbagai aspek termasuk menyediakan kepakaran dan pelbagai kemudahan berkaitan industri penternakan lembu tenuusu.
		2/18	Sharif Bin Saniman	Menjadikan buah peria sebagai makanan tambahan dalam makanan ternakan untuk menggalakkan penghasilan susu lembu.
		3/18	Noor Rahim bin Sharif	Berkongsi hasil penemuan penyelidikan dengan penternak agar penternak mendapat kebaikan untuk menambahbaik dalam pengurusan ladang
		4/18	Noor Rahim bin Sharif	Menerbitkan sebuah buku berkisarkan tentang penternak- penternak yang berjaya agar dapat dijadikan garis panduan oleh penternak yang lain.
		5/18	Noor Rahim bin Sharif	Mewujudkan Koperasi Tenuusu peringkat nasional sebagai badan Induk yang menjaga kepentingan ahli untuk menguasai industri tenuusu negara dengan pemantauan dari Jabatan Veterinar dan Suruhanjaya Koperasi.
		6/18	Noor Rahim bin Sharif	Pemberian insentif kepada semua penternak tenuusu untuk menggalakkan mereka menyertai koperasi dan bersama- sama berusaha untuk menjadikan koperasi satu organisasi yang berdaya saing.

7/18	Noor Rahim bin Sharif	Mewujudkan Pasukan elit yang terdiri dari pakar tenusu jabatan dari semua lapisan pegawai yang terpilih untuk tugas pemulihan dan pembesaran projek tenusu sebelum diserahkan kepada pegawai pembimbing di lapangan.
8/18	Noor Rahim bin Sharif	Menjadikan Program Susu Satu Malaysia sebagai program Jabatan agar dapat diselaraskan dengan pembangunan Koperasi Tenusu Nasional, Pemberian insentif dan pengeluaran susu yang berkualiti tinggi serta pengwujudan Pasukan Elit Tenusu Jabatan. Selain itu, pasaran susu yang terjamin membolehkan pemberi Pembiayaan lebih berkeyakinan untuk memberi pinjaman.
9/18	Noor Rahim bin Sharif	Ternakan Satu Malaysia perlu diwujudkan untuk mengurangkan kos makanan. Koperasi Tenusu Nasional dijadikan pemilik kepada kilang makanan untuk mengurangkan penggunaan orang tengah dan dapat menarik penternak tenusu bersatu dalam koperasi.
10/18	Noor Rahim bin Sharif	Mengemukakan dan membukukan tip-tip yang mudah/ringkas berdasarkan pengalaman penternak dan pegawai dalam mengendalikan ladang tenusu dan juga berdasarkan inovasi yang dibuat.
11/18	Noor Rahim bin Sharif	Mengadakan pertandingan produktiviti bagi penternak mengikut kriteria yang ditetapkan dan memohon setiap negeri menghantar wakil untuk pertandingan tersebut.
12/18	Jamadi Bin Badri	Kerajaan atau agensinya sendiri menjalankan aktiviti penternakan lembu tenusu secara intensif dan berorientasikan komersil dengan menggunakan kepakaran yang sedia dalam dijabatan.
13/18	Jamadi Bin Badri	Kerajaan serta pihak swasta sewajarnya membuat pelaburan dalam industri tenusu di negara yang telah dikenalpasti samaada secara usahasama atau membeli ladang lembu tenusu yang di negara berkenaan.
14/18	Muhammad Fahmi Bin Md Azam	Perlu mewujudkan lebih populasi asas iaitu habitat ternakan
15/18	Vikneswaran A/L Anbu Alagan	Meningkatkan Pembibitan yang berkualiti tinggi.
16/18	Shaimah Bt Uta	Menjalankan pemantauan kawalan penyakit lembu tenusu bagi mengekalkan pembibitan lembu tenusu yang sihat dan berkualiti.
17/18	Dr Zurin Azlin Bt Md. Jinin	Jadikan tanah bertaraf TKPM dan padang ragut yang terbiar untuk mengatasi masalah tanah bagi penternakan lembu tenusu berskala kecil selain dari mewujudkan SOP dan pemantauan keadaan semasa bagi ternakan lembu tenusu.
18/18	Dr Zurin Azlin Bt Md. Jinin	Mengamalkan 'flushing' pada ternakan betina selain dari pemberian supplement dan tambahan probiotik.

TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
Septem ber	Tema Hari Inovasi 2014	1/29	Nurul Aini Bt Mohd Yusof	Inovasi Pencetus Transformasi Veterinar
		2/29	Nurul Aini Bt Mohd Yusof	Kreativiti Pencetus Minda Inovatif
		3/29	Mohd Helmy Mahroob	Membudayakan Kreativiti, Memartabat Inovasi
		4/29	Mohd Faiz Bin Ajis	Kreativiti Penggerak Budaya Inovasi
		5/29	Mohd Faiz Bin Ajis	Inovasi Pemacu Transformasi Industri Ternakan Negara
		6/29	Mohd Faiz Bin Ajis	Idea Kreatif Pencetus Inovasi
		7/29	Dr. Marzura Binti Md Rodzi	Warga kreatif pencetus inovasi, penjana aspirasi.
		8/29	Dr. Marzura Binti Md Rodzi	Warga inovatif penjana aspirasi.
		9/29	Dr. Marzura Binti Md Rodzi	Memartabatkan budaya inovasi ke arah aspirasi
		10/29	Dr. Marzura Binti Md Rodzi	Warga inovatif pemangkin aspirasi negara
		11/29	Mohd Hilmy Bin Mohd Jamhari	Inovasi Pemangkin Peneraju Industri Ternakan
		12/29	Dr Zurin Azlin Bt Md. Jinin	Melestari Inovasi, Memacu Transformasi
		13/29	Dr Zurin Azlin Bt Md. Jinin	JPV Berinovasi Memperkasa Transformasi
		14/29	Dr Zurin Azlin Bt Md. Jinin	Budaya Berinovasi Nilai 1 Veterinar
		15/29	Dr Zurin Azlin Bt Md. Jinin	JPV Berinovasi Memartabat Transformasi
		16/29	Dr Zurin Azlin Bt Md. Jinin	JPV Berinovasi, Kerah Transformasi 1 Veterinar
		17/29	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Penyelidikan Pencetus Kreativiti, Penjana Inovasi
		18/29	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Inovasi Penternakan Ke arah Nehara Maju 2020

TAHUN/ BULAN	TEMA	BIL	NAMA	RINGKASAN IDEA KREATIF
		19/29	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Penyelidikan Sebagai Benih Kecemerlangan Ternakan Malaysia
		20/29	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Penternak Berkualiti Lambang Kemajuan Industri Ternakan Negara
		21/29	Mohd Azrulnizam bin Jaafar	Penternak Berinovasi Pemangkin Transformasi Industri
		22/29	Normala Tukibah	Industri Kreativiti dan Inovasi Inspirasi Melahirkan Pemimpin Global
		23/29	Noor Rahim bin Sharif	Membudayakan Penerokaan Melinium
		24/29	Noor Rahim bin Sharif	Inovasi Gemilang Produktiviti Terbilang
		25/29	Noor Rahim bin Sharif	Inovasi Gemilang Masyarakat Terbilang
		26/29	Noor Rahim bin Sharif	Masyarakat Berinovasi Tingkat Produktiviti
		27/29	Noor Rahim bin Sharif	Minda Inovasi Produktiviti Tinggi
		29/29	Noor Rahim bin Sharif	Melahirkan Masyarakat Berinovatif
		29/29	Noor Rahim bin Sharif	Alah berinovasi tegal produktiviti